

**Muhyiddin Lega Kemelut Politik Terengganu Selesai Dalam Tempoh Paling Singkat
Bernama
May 15, 2014**

PUTRAJAYA, 15 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin melahirkan rasa syukur dan lega apabila kemelut politik di Terengganu dapat diselesaikan dalam tempoh paling singkat.

"Mungkin ada sedikit salah faham tapi yang mustahaknya ia dapat diselesaikan kerana kita tidak mahu ia berlarutan," katanya kepada pemberita pada majlis prapelancaran Pavilion Malaysia untuk Ekspo Milano Italy 2015 (Malaysian Pavillion For The Expo Milano 2015) di sini, Khamis.

Kemelut di Terengganu bermula ekoran pengumuman bekas Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Kijal keluar Umno selepas meletakkan jawatan sebagai menteri besar bagi membolehkan pelantikan menteri besar baharu.

Berikutan itu, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman dilantik dan mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Terengganu yang baharu.

Langkah Ahmad disusuli oleh Adun Ajil Ghazali Taib dan Adun Bukit Besi Roslee Daud.

Bagaimanapun, Ahmad, Ghazali dan Roslee kembali ke pangkuan Umno dan isu itu dianggap selesai semalam.

Muhyiddin berkata apa yang penting Barisan Nasional (BN) masih mantap serta masih mempunyai mandat untuk terus mentadbir negeri berkenaan.

"Alhamdulillah, semua wakil rakyat telah kembali bersatu. Sekarang yang penting adalah tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan untuk terus membangunkan Terengganu menjadi sebahagian komponen penting kepada negara.

"Kita juga harap pimpinan politik yang tidak menjadi wakil rakyat seperti ketua-ketua bahagian, pemimpin wanita, pemuda dan puteri untuk turut bersama-sama berganding bahu," katanya.

Beliau berkata dengan berakhirnya kemelut politik di Terengganu, Menteri Besar yang baharu dapat mengambil alih pentadbiran dengan licin selain turut memberi kelegaan kepada rakyat.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038392>